

1. Jawatan :
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
2. Gred Jawatan : Gred Utama B (VU6)
3. Gaji : RM7,145.00 - RM10,270.05
4. Bentuk Lantikan : Tukar Sementara/Pinjaman

B) KRITERIA UMUM

Seseorang calon hendaklah memiliki kriteria-kriteria berikut:

i) Kecemerlangan Akademik

Penyandang mestilah mempunyai kelayakan PhD, mendapat *command of respect* dari kalangan rakan sejawat, mempunyai rekod cemerlang dalam penyelidikan, penerbitan jurnal berwasit antarabangsa, inovasi dalam pengajaran dan cemerlang dalam khidmat profesional.

ii) Pengiktirafan Antarabangsa

Penyandang mestilah diiktiraf oleh *peers* antarabangsa sebagai pakar dalam bidangnya, mempunyai jaringan antarabangsa yang kukuh, pernah menerima pelbagai anugerah dan pengiktirafan dari organisasi terkemuka luar negara.

1

iii) Kebolehan Memimpin dan Mengurus

Penyandang mestilah mempunyai *people skills* yang boleh meneraju transformasi, mempunyai gagasan, visi dan misi serta mampu menggerakkan komuniti kampus ke arah budaya kecemerlangan akademik. Ditambah dengan kemahiran komunikasi dan *interpersonal* yang mantap. Pengalaman dan rekod cemerlang pimpinan akademik merupakan antara ciri utama dalam menentukan kebolehmampuan calon.

iv) Reputasi

Menjadi *role model* kepada semua peringkat staf, mempunyai pengalaman dan *proven track record* serta disanjung baik serta dihormati oleh masyarakat kampus dan luar.

v) Personaliti

Penyandang mestilah seorang yang berwibawa, berkarisma, bersahsiah tinggi, *team player*, serta mempunyai motivasi dalaman untuk memacu kecemerlangan universiti. Calon juga mestilah memahami aspirasi Negara untuk membangunkan modal insan bermentaliti kelas pertama.

C) KRITERIA KHUSUS

- i) Berpengalaman dalam pembentukan kurikulum.
- ii) Pakar dalam Pengajaran dan Pembelajaran.
- iii) Kecemerlangan Penyelidikan dan Penerbitan.
- iv) Pengalaman sebagai Penyelia yang Berjaya
- v) Hal Ehwal Antarabangsa

2

D) PERMOHONAN

Pemohon-pemohon dikehendaki mengemukakan surat permohonan, 'curriculum vitae' (cv) yang terkini dan ringkasan mengenai perancangan sekiranya dilantik